

Minggu seni Islam UPM

BAGI menarik minat masyarakat agar lebih mengenali dan menghayati kesenian Islam melalui seni berzanji dan marhaban, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Minggu Inovasi dan Kesenian Islam di kampus itu baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama seminggu anjuran bersama Kolej Tun Perak, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dan Pusat Islam UPM itu dihadiri 1,000 orang yang sebahagian besarnya pelajar UPM dan dan institusi pengajian tinggi berhampiran.

Penganjuran Minggu Inovasi dan Kesenian Islam bertujuan bagi mengembangkan seni Islam dalam kalangan belia khususnya golongan pelajar.

Majlis itu telah dirasmikan Panel Peguam Syari'e 1 Malaysia, Datuk Mohd. Zaidi Md. Mohd. Zain berkata, program ini perlu diteruskan pada masa depan bagi



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang menyertai pertandingan debat sempena Minggu Inovasi dan Kesenian Islam di UPM, baru-baru ini.

mempertingkatkan keperluan kerohanian mahasiswa masa kini.

“Program ini bukan sahaja membentuk sahsiah dalaman malah akan melahirkan pelajar ke arah kecemerlangan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat nanti,” katanya.

Yang turut hadir Pengarah Programnya, Mohammad Ilham Nordin.

Pelbagai program telah diatur antaranya, program ceramah ‘Merempit Ke Jalan Allah; Forum ‘Hanya Allah Cintaku Selamanya’, Program Amal ‘Syria, Palestin, Mesir: Kusahut PanggilanMu’.